

27 MAR 1997

MSC-Kriteria

KRITERIA UNTUK SYARIKAT LUAR SERTAI PROGRAM MSC

Oleh: Wan A. Hulaimi

DUXFORD (Berhampiran Cambridge), 27 Mac (Bernama) -- Syarikat antarabangsa yang ingin menyertai program Koridor Raya Multimedia (MSC) mesti terdiri daripada syarikat teknologi maklumat atau terlibat dengan pembangunan multimedia serta menggunakan tidak kurang 15 peratus pekerja berpengetahuan.

Syarikat itu juga perlu mempunyai komitmen untuk mengadakan kerjasama daripada segi teknologi dengan Malaysia, kata ketua pegawai operasi Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Dr Mohamed Arif Nun pada seminar yang dihadiri wakil-wakil syarikat teknologi maklumat Britain di sini.

MSC yang merupakan "taman multimedia sempurna" mempunyai keluasan 15Km X 50Km yang menganjur dari Kuala Lumpur City Centre ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) Sepang di selatan dengan pusat pentadbiran baru Putrajaya dan bandar Cyberjaya di tengah-tengahnya.

Seminar yang dihadiri lebih 150 peserta itu dianjurkan oleh Jabatan Perdagangan dan Industri (DTI) Britain sebagai sebahagian usaha meningkatkan penyertaan syarikat dan universiti Britain dalam industri teknologi maklumat di Asia Tenggara.

Ariff berkata MSC merupakan sebahagian daripada Wawasan 2020 ilham Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membawa Malaysia ke Era Informasi dengan cara menjemput syarikat terkemuka dunia bekerjasama dengan syarikat tempatan.

Syarikat IT Britain turut diberitahu MSC merupakan permulaan kepada hasrat Malaysia mewujudkan masyarakat bermaklumat sebelum 11 lagi bandar siber dibina menjelang tahun 2010.

Arif berkata bagi menjayakan hasrat itu, Malaysia perlu melaksanakan undang-undang siber, polisi dan langkah sewajarnya untuk memastikan syarikat yang menyertai MSC mencapai potensi optimum.

"Saya selalu menggunakan perbandingan zaman kegemilangan Melaka dan MSC bakal mengulanginya," katanya.

Beliau turut menolak andaian bahawa MSC merupakan sebahagian daripada pelan IT Singapura yang dibawa ke Malaysia dan berkata: "Konsep pulau pintar Singapura hanya berkaitan pemasangan fiber optik. Ia merupakan satu perempat daripada objektif kami."

Katanya pakej komprehensif yang ditawarkan oleh Malaysia tidak boleh ditandingi oleh mana-mana pihak di dunia.

Arif berada di sini bersama-sama presiden Persatuan Biologi Molekul Malaysia Prof Koh Chong Lek sebagai pembuka tirai kepada lawatan Dr Mahathir 20 Mei ini bagi mempromosikan MSC di London. Koh turut memberi penerangan mengenai peluang yang boleh direbut oleh usahawan Britain dalam bidang bioteknologi.

Dr Mahathir dijangka membawa delegasi 100 ahli perniagaan yang ingin mencari rakan niaga teknologi maklumat di Britain.

Usaha menganjurkan seminar itu diambil apabila DTI menyedari sebahagian besar syarikat Britain ketinggalan dalam merebut peluang yang ditawarkan oleh Asia Tenggara terutama Malaysia dan Singapura.

DTI akan turut menganjurkan lawatan ke Malaysia dan Singapura untuk 30 usahawan Britain bagi mencari peluang kerjasama yang sesuai dengan mereka pada Jun ini.

Pengerusi Lembaga Perdagangan Seberang Laut Britain, Peter Godwin berkata kempen memperkenalkan Asia Tenggara oleh DTI itu dibuat dengan objektif membawa lebih 750 syarikat kecil dan sederhana baru ke rantau itu

dalam masa tiga tahun akan datang. -- BERNAMA  
WAH HJ MAI